



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Sistem Perolehan Elektronik PERKESO

Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia yang masih sah tempohnya dan berdaftar dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial melalui www.sennego.com bagi melaksanakan perolehan berikut :

TAJUK PEROLEHAN	NO. RUJUKAN	KOD BIDANG	TARIKH PELAWAAN	TARIKH, MASA & TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH TUTUP	HARGA DOKUMEN (RM)
SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN MYSTERY SHOPPING PROGRAMME (PENARAFAN KUALITI KHIDMAT PELANGGAN) PERKESO	KP.PERKESO 01/2023	222704	14/03/2023 09:00 pagi	17/03/2023, 10:30 AM Taklimat Sebut Harga akan di adakan secara online melalui aplikasi Microsoft Teams. Kehadiran adalah diwajibkan. Sila sahkan kehadiran tuan/puan mulai (14/04/2023 - 16/03/2023) (selewat-lewatnya jam 12.00 tengahari) melalui pautan berikut : https://forms.office.com/r/hrA1Z9XPCX	23/03/2023 12:00 tengahari	50.00

1. Tawaran ini dilaksanakan melalui atas talian (*online*). Oleh itu pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran syarikat melalui laman web www.sennego.com sebelum menyertai tawaran ini. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat khidmat pelanggan SENNEGO di talian 03-78854111 atau emel kepada speedhelpdesk@commercedc.com.my.
2. Pembekal perlu mendapatkan Nombor Pin daripada PERKESO secara emel atau hadir ke Ibu Pejabat PERKESO untuk mengakses sistem dan memuat turun dokumen dan membeli dokumen Sebut Harga.
3. Nombor pin boleh diperolehi dengan mengemukakan bukti bayaran. Bayaran boleh dibuat melalui Nombor Akaun Maybank 564016400646 atau Wang Pos/Kiriman Wang/Bank Draf atas nama Ketua Eksekutif PERKESO dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan tidak akan dikembalikan. Bayaran secara tunai atau Cek Persendirian/Syarikat tidak akan diterima.
4. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen Sebut Harga melalui web www.sennego.com mulai 17/03/2023 hingga 23/03/2023.
5. Pembekal dikehendaki mengemukakan dokumen Sebut Harga secara manual dan melalui atas talian (*online*) sebelum atau pada tarikh dan masa tutup.
6. Kehadiran taklimat adalah **DIWAJIBKAN** (sekiranya ada). Hanya Penama dalam sijil KKM sahaja dibenarkan hadir. Sila bawa surat perwakilan kuasa yang ditandatangani Penama yang diberi kuasa, jika Penama tidak dapat hadir.
7. **PERKESO** tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran Sebut Harga yang terendah serta tidak bertanggungjawab memberi sebarang alasan atas penolakan Sebut Harga dan keputusan adalah muktamad.
8. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak **0.8% bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai setiap invois**.
9. Bagi serahan secara manual, dokumen tawaran yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan dicatatkan No. Rujukan, Tajuk Perolehan dan No. Pin Pembekal di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang disediakan seperti alamat dibawah :

Ketua Eksekutif
Pertubuhan Keselamatan Sosial
Bahagian Perolehan
Tingkat 11, Menara PERKESO, 281 Jalan Ampang, 50538 Kuala Lumpur

Pada atau sebelum tarikh tutup Sebut Harga jam 12:00 tengahari



PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

Sistem Perolehan Elektronik PERKESO

10. Dokumen tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Sebut Harga tidak akan diterima.